



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN KHAMIS, 16 OKTOBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



16/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	KPWKM SERU KERJASAMA SEMUA PIHAK TANGANI ISU SOSIAL REMAJA		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpwkm-seru-kerjasama-semua-pihak-tangani-isu-sosial-remaja	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/752647/berita/nasional/tangani-isu-sosial-remaja-bersama-bukan-saling-menyalahkan---nancy	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1459313/jangan-anggap-insiden-tikam-pelajar-kes-terpencil-nancy	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1276010/kelua-rga-sekolah-perlu-bergerak-seiring-dalam-isu-anak-anak-kpwkm	HMETRO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/kes-tikam-pelajar-perlu-dilihat-secara-serius-bukan-kes-terpencil-nancy/	BULETINTV3.MY	
	https://thesun.my/cerita/berita/semua-pihak-perlu-bertindak-bersama-dalam-isu-sosial-remaja-nancy-NF15103482	THESUN.MY	
	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2479182	BERNAMA.COM	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/tindakan-kolektif-tangani-isu-sosial-dalam-kalangan-remaja	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://suarasarawak.my/nancy-seru-semua-pihak-bertindak-bersama-atasi-isu-sosial-remaja/	SUARASARAWAK.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/10/15/tunding-jari-tak-selesaikan-masalah-perlu-tindakan-bersama-nancy/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://lobakmerah.com/isu-sosial-remaja-perlu-tindakan-bersama-bukan-tuding-jari-kpwkm/	LOBAKMERAH.COM	
	https://siakapkei.my/2025/10/15/bertindak-bersama-bukan-menuding-jari-dalam-isu-sosial-remaja-nancy	SIKAPKEI.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/10/1295340/recen-t-stabbing-tragedy-wake-call-demands-unified-response-nancy	NST.COM.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/114094/families-schools-to-act-in-tandem-to-discipline-and-shield-youth-from-crisis	THEVIBES.COM	
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/10/15/perlu-tindakan-bersama-bukan-tuding-jari-tangani-isu-remaja-kata-nancy	FREEMALYSIATODAY.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



16/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://ohmymedia.cc/tunding-jari-takkan-selesaikan-masalah	OHMYMEDIA.CC	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/10/15/everyone-has-a-role-to-play-in-preventing-future-tragedies-says-nancy	THESTAR.COM.MY	
	https://mediaselangor.com/en/2025/10/325592/pj-school-stabbing-a-wake-up-call-that-demands-unified-response-nancy	MEDIASELANGOR.COM	
	https://thesun.my/malaysia-news/teen-stabbing-tragedy-demands-unified-response-says-minister-KF15102558	THESUN.MY	
	https://www.sarawaktribune.com/minister-warns-against-circulating-images-of-students/	SARAWAKTRIBUNE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	KPWKM DISARAN LEBIH HOLISTIK PERKUKUH NILAI KEKELUARGAAN		POSITIF
	https://www.suarakeadilan.my/post/kpwkm-disaran-lebih-holistik-perkukuh-nilai-kekeluargaan	SUARAKEADILAN.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/10/15/tegur-masyarakat-jika-nilai-kekeluargaan-semakin-longgar-kerajaan-diberitahu	FREEMALYSIATODAY.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	SRIKANDI PKR GESA KPWK PERKUKUH DASAR PEMBANGUNAN KELUARGA		POSITIF
	https://malaysiagazette.com/2025/10/15/srikandi-pkr-gesa-kpwkm-perkukuh-dasar-pembangunan-keluarga/	MALYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	PERKUKUH KEHADIRAN KAUNSELOR, WAJIBKAN SARINGAN PSIKOLOGI BERKALA DI SEKOLAH		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1459069/perkukuh-kehadiran-kaunselor-wajibkan-saringan-psikologi-berkala-di	BHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



16/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	KEGANASAN SEKOLAH: GERAKAN INTERVENSI PSIKOSOSIAL, SOKONGAN TRAUMA - KAREN		POSITIF
	https://www.suarakeadilan.my/post/keganasan-sekolah-gerakan-intervensi-psikososial-sokongan-trauma-karen	SUARAKEADILAN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	LARI DENGAN JIWA, SEBAR BAHAGIA – KASIH FUN RUN PROMOSI KESIHATAN MENTAL, 'AWAK OK TAK?'		POSITIF
	https://sinarplus.sinarharian.com.my/lifestyle/inspirasi/lari-dengan-jiwa-sebar-bahagia-kasih-fun-run-promosi-kesihatan-mental-awak-ok-tak	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	WRUR: KASIH KANAK-KANAK 2025 DIDIK MURID TENTANG HAK DAN KESELAMATAN DIRI		POSITIF
	https://www.melakahariini.my/wrur-kasih-kanak-kanak-2025-didik-murid-tentang-hak-dan-keselamatan-diri/	MELAKAHARIINI.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	9,737 KES REMAJA HAMIL LUAR NIKAH DALAM TEMPOH LIMA TAHUN		NEUTRAL
	https://www.kosmo.com.my/2025/10/15/9737-kes-remaja-hamil-luar-nikah-dalam-tempoh-lima-tahun/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/10/9737-kes-remaja-hamil-luar-nikah-direkodkan-dalam-tempoh-lima-tahun/	UTUSAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



16/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	KESIHATAN MENTAL: STIGMA PUNCA MASYARAKAT ENGGAN DAPATKAN BANTUAN PROFESIONAL		NEUTRAL
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2479321	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2479322	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	APLIKASI SINIMO UMK INTEGRASIKAN SKUAD WAJA SISWA TANGANI KEGANASAN JENAYAH DALAM WARGA KAMPUS		POSITIF
	https://www.bernama.com/bm/news.php/politik/sukan/news.php?id=2479148	BERNAMA.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/752623/edisi/kelantan/umk-bangunkan-aplikasi-khas-salur-aduan-buli-gangguan-seksual	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://majoriti.com.my/berita/2025/10/15/aplikasi-skuad-waja-siswa--umk-perkasakan-mahasiswa-hadapi-isu-sosial	MAJORITI.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	MBKS ANJUR PROGRAM KESEDARAN KESIHATAN MENTAL BERSAMA UNIMAS		POSITIF
	https://utusanarawak.com.my/mbks-anjur-program-kesedaran-kesihatan-mental-bersama-unimas/	UTUSANSARAWAK.MY	
	https://dayakdaily.com/community-mental-health-in-focus-as-mbks-hosts-awareness-talk-with-unimas/	DAYAKDAILY.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



16/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	PEMANDU LORI TERPAKSA HANTAR ANAK KE RUMAH ANAK YATIM		NEGATIF
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/752688/edisi/perak/pe-
mandu-lori-terpaksa-hantar-anak-ke-rumah-anak-yatim">https://www.sinarharian.com.my/article/752688/edisi/perak/pe- mandu-lori-terpaksa-hantar-anak-ke-rumah-anak-yatim	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.nst.com.my/news/regional/2025/10/1295306/fath-
er-overwhelmed-financial-woes-sends-three-children-welfare-
home">https://www.nst.com.my/news/regional/2025/10/1295306/fath- er-overwhelmed-financial-woes-sends-three-children-welfare- home	NST.COM.MY	
	<a href="https://kisahdunia.com/cerai-3-tahun-lalu-bapa-bergaji-rm2-6k-
hiba-tinggal-3-anak-di-rumah-kebajikan/">https://kisahdunia.com/cerai-3-tahun-lalu-bapa-bergaji-rm2-6k- hiba-tinggal-3-anak-di-rumah-kebajikan/	KISHADUNIA.COM	
	<a href="https://www.malaysianupdate.my/2025/10/15/tidak-mampu-
tanggung-perbelanjaan-bapa-tunggal-serah-tiga-anak-ke-rumah-
kebajikan-di-perak/">https://www.malaysianupdate.my/2025/10/15/tidak-mampu- tanggung-perbelanjaan-bapa-tunggal-serah-tiga-anak-ke-rumah- kebajikan-di-perak/	MALAYSIANUPDATE.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
13	LELAKI CABUL ANAK SAUDARA SEDANG NYENYAK TIDUR DITAHAN POLIS		NEGATIF
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/lelaki-cabul-anak-saudara-
sedang-nyenyak-tidur-ditahan-polis/">https://www.buletintv3.my/nasional/lelaki-cabul-anak-saudara- sedang-nyenyak-tidur-ditahan-polis/	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php/am/news.php?id=247
9014">https://www.bernama.com/bm/news.php/am/news.php?id=247 9014	BERNAMA.COM	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1275850/bapa-
saudara-cabul-anak-saudara-sedang-nyenyak-tidur">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1275850/bapa- saudara-cabul-anak-saudara-sedang-nyenyak-tidur	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.thevibes.com/articles/news/114062/man-arrested-
for-allegedly-molesting-teenage-niece-while-she-slept-in-tampin-
home">https://www.thevibes.com/articles/news/114062/man-arrested- for-allegedly-molesting-teenage-niece-while-she-slept-in-tampin- home	THEVIBES.COM	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/10/15/penjawat-awam-
ditahan-ganggu-anak-saudara/">https://www.kosmo.com.my/2025/10/15/penjawat-awam- ditahan-ganggu-anak-saudara/	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-ditahan-
bantu-siasatan-kes-gangguan-seksual-anak-saudara-543039">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-ditahan- bantu-siasatan-kes-gangguan-seksual-anak-saudara-543039	ASTROAWANI.COM	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2025/10/15/lelaki-ditahan-
bantu-siasatan-kes-gangguan-seksual">https://www.utusanborneo.com.my/2025/10/15/lelaki-ditahan- bantu-siasatan-kes-gangguan-seksual	UTUSANBORNEO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



16/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
14	PEMANDU BAS DIPENJARA 66 TAHUN, 22 SEBATAN AMANG SEKSUAL 5 PELAJAR		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1275947/pemandu-bas-dipenjara-66-tahun-22-sebatan-amang-seksual-5-pelajar	HMETRO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/pemandu-bas-dipenjara-22-sebatan-kerana-amang-seksual-5-pelajar/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1459237/pemandu-bas-dipenjara-66-tahun-22-sebat-kerana-amang-seksual-5-pelajar	BHARIAN.COM.MY	
	https://says.com/my/seismik/pemandu-bas-dihukum-penjara-66-tahun-22-sebatan-mengaku-bersalah-amang-seksual-5-pelajar	SAYS.COM	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/10/15/yong-peng-bus-driver-gets-66-year-sentence-but-will-serve-only-six-for-molesting-five-students/194677	MALAYMAIL.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=_sN0GsTxSQw	YOUTUBE	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : BUKAN KES TERPENCIL, GAMBARAN TEKANAN SOSIAL YANG SEMAKAN MERUNCING

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 16 OKTOBER 2025

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Bukan kes terpencil, gambaran tekanan sosial yang semakin meruncing

Kuching: Tragedi mengorbankan pelajar tingkatan empat di sebuah sekolah di Petaling Jaya, kelmarin tidak boleh dianggap kes terpencil, sebaliknya perlukan perhatian serius semua pihak.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, kejadian itu menggambarkan cabaran nilai dan tekanan sosial yang semakin meruncing dalam kalangan anak muda masa kini.

Beliau turut menyifatkan ia suatu yang amat menyedihkan kerana pada usia remaja terbabit sepatutnya dipenuhi kasih sayang dan bimbingan, namun insiden meragut bukan sahaja nyawa, malah masa depan.

"Ia mencerminkan cabaran nilai dan tekanan sosial yang sedang dihadapi oleh anak-anak kita hari ini sama ada di rumah, di sekolah dan di dunia digital yang tanpa sempadan," katanya dalam kenyataan semalam.

Nancy bersetuju dengan

kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai keperluan kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap pengaruh negatif media sosial yang dilihat semakin merosakkan akhlak generasi muda.

"Namun, pada masa sama, kita juga perlu mengimbangi ketegasan dengan empati serta memahami bahawa punca kepada isu ini bukan hanya soal disiplin atau teknologi, tetapi juga soal bimbingan, komunikasi dan kasih dalam keluarga serta komuniti sekolah," katanya.

Justeru beliau berkata, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) percaya bahawa keluarga dan sekolah perlu bergerak seiring kerana anak memerlukan kedua-dua institusi itu untuk menjadi benteng kasih sayang dan panduan nilai mereka.

"Dengan cabaran baru yang dihadapi ibu bapa dan kanak-kanak pada hari ini, kami di KPWKM tidak akan berhenti untuk terus



NANCY

berusaha menambahbaik penyampaian perkhidmatan kami.

"Namun, kami tidak mampu untuk bergerak sendiri kerana menangani cabaran ini memerlukan semua pihak untuk memainkan peranan masing-masing, bukan sahaja memperkukuh dasar dan program, tetapi juga menyokong institusi keluarga dan komuniti melalui pen-

dekatan yang lebih empatik," katanya.

Pada masa sama katanya, ibu bapa, guru, masyarakat dan kerajaan perlu melihat tragedi itu sebagai panggilan untuk bertindak bersama.

"Menuding jari tidak akan menyelesaikan masalah kerana apa yang diperlukan adalah kasih sayang, keprihatinan dan tindakan bersama demi melindungi dan membimbing generasi muda kita," katanya.

Kelmarin, negara dikejutkan dengan kejadian seorang pelajar perempuan berusia 16 tahun di sebuah sekolah di Bandar Utama, Petaling Jaya, maut ditikam pelajar lelaki sekolah sama yang berusia 14 tahun.

Dalam kejadian jam 9.10 pagi itu, mangsa ditemui berlumuran darah dengan beberapa kesan tikaman pada badan di kawasan sekolah berkenaan.

Pelajar lelaki itu kini di-reman tujuh hari dan polis merampas dua senjata tajam di lokasi kejadian.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KPWKM seru kerjasama semua pihak tangani isu sosial remaja

Nasional - Dicipta: 15 Oktober 2025 07:51 PM



KUALA LUMPUR, 15 Oktober - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyeru semua pihak agar bertindak bersama dalam menangani isu sosial membabitkan remaja, bukannya saling menuding jari.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata tragedi membabitkan dua remaja baru-baru ini perlu dijadikan pengajaran penting kerana ia mencerminkan cabaran nilai dan tekanan sosial yang dihadapi generasi muda masa kini sama ada di rumah, di sekolah mahupun di dunia digital tanpa sempadan.

"KPWKM berpandangan tindakan tegas terhadap penyalahgunaan media sosial perlu dilaksanakan seiring dengan pendekatan empati, dengan memberi penekanan kepada bimbingan, komunikasi serta kasih sayang dalam keluarga dan komuniti sekolah.

"Kementerian turut menegaskan bahawa keluarga dan sekolah perlu bergerak seiring sebagai benteng utama dalam membentuk nilai serta keperibadian anak-anak," katanya menerusi kenyataan.

Dalam masa sama, KPWKM komited memperkukuh pelaksanaan dasar dan program yang menyokong institusi keluarga serta pembangunan sosial masyarakat, namun menegaskan usaha itu memerlukan kerjasama semua pihak termasuk ibu bapa, guru dan komuniti.

KPWKM berharap tragedi berkenaan menjadi titik tolak kepada tindakan bersama dalam memastikan perlindungan dan kesejahteraan generasi muda dapat dipertingkatkan demi masa depan negara.

Beliau mengulas mengenai kejadian yang menyaksikan seorang pelajar perempuan maut ditikam seorang pelajar lelaki di sebuah sekolah menengah di Selangor, semalam.

Selain itu, sejak akhir-akhir ini beberapa kejadian serius membabitkan pelajar sekolah dilaporkan termasuk kes rogol membabitkan empat pelajar lelaki Tingkatan Lima dan seorang pelajar perempuan Tingkatan Tiga di Melaka, yang membawa kepada tindakan buang sekolah serta-merta.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KPWKM disaran lebih holistik perkukuh nilai kekeluargaan



Kekuatan sesebuah bangsa tidak hanya bergantung kepada kestabilan politik atau kukuh ekonomi semata-mata, tetapi berakar daripada institusi keluarga yang teguh berasaskan kasih sayang, adab dan nilai murni.

Ketua Biro Komunikasi Wanita KEADILAN Pusat, Nurhayati Umor (*gambar*) menerusi satu perkongsian di media sosial menzahirkan kebimbangan terhadap perubahan dunia yang begitu pantas sehingga menghakis nilai empati dan adab dalam masyarakat.

"Dunia hari ini semakin bising dengan kata-kata, tetapi semakin sunyi dengan empati. Kita lupa bahawa akar segala nilai bermula dari rumah," katanya dalam satu perkongsian di media sosial.

Nurhayati yang juga Ketua Penerangan Wanita KEADILAN Selangor sementara itu menegaskan, keluarga bukan sekadar institusi sosial, tetapi merupakan asas pembentukan sahsiah rakyat serta kekuatan jiwa bangsa.

Sehubungan itu, beliau menyeru Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) memainkan peranan lebih holistik dalam memperkukuh nilai kekeluargaan dan pembangunan insan yang semakin terhakis.

"KPWK menjadi tulang belakang kepada pelaksanaan dasar berkaitan keluarga, keibubapaan, perlindungan kanak-kanak serta pembangunan wanita — semua ini membentuk akhlak dan jati diri individu sejak usia muda.

"Kementerian ini tidak boleh berdiam diri. Sebaliknya perlu bersuara, bertindak dan membuat teguran nasihat apabila nilai keluarga semakin terganggu," tegasnya menerusi perkongsian tersebut.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Srikandi PKR gesa KPWKM perkukuh dasar pembangunan keluarga

Oleh Malinda Abdul Malik - 15 October 2025



Nurhidayah Che Rose

GEORGE TOWN – Srikandi PKR menyeru Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) untuk memperkukuh dasar-dasar pembangunan keluarga dalam usaha menangani isu sosial yang semakin membimbangkan.

Ketuanya, Nurhidayah Che Rose berkata, fenomena seperti krisis adab, masalah disiplin pelajar dan kekeliruan hala tuju generasi muda bukan sekadar isu sekolah atau isu pelajar tetapi mencerminkan nilai masyarakat yang semakin longgar serta keluarga yang memerlukan bimbingan.

Jelas beliau, KPWKM perlu memimpin sinergi nasional dalam membina keluarga beradab, berempati dan berdaya tahan.

“Ini kerana isu sosial bukan sekadar masalah sistem pendidikan, ia berakar dari kegagalan masyarakat membina nilai asas. Jangan kita salahkan sistem bila nilai kita sendiri longgar dan bukan hanya rombak sistem semua selesai sebaliknya kita perlu membaiki sesebuah masyarakat.

“Kita tidak mahu menuding jari tapi kita ingin bergabung untuk masyarakat dan negara,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Tambah Nurhidayah, akar sebenar pendidikan bukan hanya terletak pada silibus di sekolah sebaliknya bermula dari rumah iaitu sekolah pertama seorang anak.

“Pendidikan bermula dari meja makan bukan dari bilik darjah semata-mata. Rumah adalah tempat asas hormat, kasih dan tanggungjawab terbina.

“Justeru kita menyeru agar ibu bapa dan komuniti berganding bahu dalam membentuk ekosistem nilai dan pendidikan sosial yang lebih kukuh. Ilmu tanpa adab melahirkan kekosongan jiwa,” tegasnya. – MalaysiaGazette

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Perkukuh kehadiran kaunselor, wajibkan saringan psikologi berkala di sekolah

Oktober 15, 2025 @ 10:44am



Belum pun reda kes calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) didakwa kerana merogol pelajar perempuan sama sekolah di Melaka baru-baru ini, serta kes buli kerap dilaporkan berlaku satu negara, semalam kita dikejutkan pula dengan kes kematian pelajar perempuan berusia 16 tahun di sebuah sekolah dekat Bandar Utama, Petaling Jaya.

Insiden terbaharu ini menambah satu lagi titik hitam dalam sistem pendidikan negara. Ini menimbulkan persoalan, sejauh mana sekolah mampu menjadi tempat paling selamat untuk anak-anak dan seluruh warga pendidiknya.

Hari ini kita mungkin dikejutkan dengan kes pelajar mencederakan pelajar sehingga menyebabkan kematian. Namun pernahkah kita terfikir kes seumpama itu boleh menimpa guru atau warga sekolah lain. Tidak mustahil kes lebih tragik mungkin boleh terjadi.

Apa yang membimbangkan, kes seumpama ini bukan lagi isu terpencil. Kes jenayah membabitkan pelajar semakin kerap dilaporkan di media. Maka, ia menuntut penilaian semula menyeluruh terhadap dasar disiplin, kesejahteraan mental, pengawasan sekolah dan peranan ibu bapa.

Persoalan berlegar dalam benak rakyat Malaysia hari ini adakah kita hanya menunggu tingkah laku melampau pelajar ini berlaku lagi baru hendak mengambil tindakan drastik. Bagi masyarakat, apabila jenayah berat seperti bunuh dan rogol boleh berlaku dalam kawasan sekolah, ini bukan lagi isu kegagalan kawalan disiplin, tetapi cerminan kerosakan sistem persekolahan.

Sekolah bukan sekadar institusi untuk pelajar memperoleh gred dan sijil akademik. Ia sepatutnya menjadi pusat pembentukan sahsiah, tempat pelajar belajar soal hormat, kasih sayang, beradab, empati dan tahu sempadan sosial.

Mungkin ada pihak melemparkan tohmahan 'kecacatan' yang berlaku ini kerana kelemahan sistem pendidikan terlalu fokus kepada pencapaian akademik hingga mengabaikan pendidikan kemanusiaan bagi melahirkan generasi memiliki Karamah Insaniah.

Jika isu disiplin menjadi puncanya, perlu ada strategi khusus untuk menanganinya. Yang penting, kita perlu menyekat sepenuhnya sebarang bentuk menormalisasikan jenayah di sekolah. Setiap satu kejadian berlaku perlu dijadikan titik mula untuk mencari jalan mencegahnya daripada berulang pada masa depan.

Pelbagai faktor mempengaruhi disiplin, sikap dan tingkah laku pelajar generasi digital hari ini. Ada yang mengaitkannya dengan lemahnya kawalan disiplin di sekolah, kecacatan cara hidup di rumah, sikap buruk ibu bapa, pengaruh negatif keluarga atau orang sekeliling bahkan ada yang menyalahkan fenomena penggunaan telefon pintar melampau kalangan pelajar remaja hari ini.

Walau apa pun persepsinya, Kementerian Pendidikan (KPM) bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta agensi penguat kuasa, perlu duduk semeja dan merangka pelan lebih sistematik. KPM perlu mendapat sokongan daripada segenap aspek.

Ini termasuk memperkukuh kehadiran kaunselor, mewajibkan saringan psikologi berkala, memperketatkan undang-undang disiplin sekolah serta membuka saluran aduan selamat bagi pelajar. Keselamatan di sekolah bukan satu pilihan lagi, sebaliknya satu kewajipan perlu dipenuhi KPM dan kerajaan.



Foto hiasan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Keganasan sekolah: Gerakan intervensi psikososial, sokongan trauma - Karen



Oleh: Akmal Manaf

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) digesa untuk mengambil tindakan segera dan berkesan dalam menangani krisis sosial serta keselamatan pelajar susulan tragedi yang berlaku di sekolah sejak kebelakangan ini.

Exco Wanita KEADILAN Pusat, J Karen Kasturi berkata, tragedi sama ada kes buli atau bunuh di sekolah bukan isu disiplin semata-mata tetapi mencerminkan tekanan sosial, emosi dan keluarga yang semakin menekan anak-anak.

"Dalam hal ini, KPWK tidak boleh berdiam diri lagi. Sebagai kementerian yang bertanggungjawab terhadap perlindungan kanak-kanak dan kesejahteraan sosial, diam bukan pilihan apabila kesejahteraan anak-anak kita terganggu.

"KPWK mesti proaktif dan tampil ke depan dengan tindakan yang berkesan.

"Langkah intervensi psikososial, sokongan trauma dan pemulihan keluarga perlu digerakkan dengan segera, bukan hanya selepas tragedi berlaku tetapi sebagai inisiatif pencegahan berterusan di semua peringkat sekolah dan komuniti," katanya dalam satu kenyataan.

Dalam kenyataan sama, Karen turut menggesa agar KPWK memperkukuh kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) agar setiap kes buli, keganasan dan tekanan emosi pelajar ditangani secara holistik melalui gabungan pendidikan, kaunseling dan sokongan komuniti.

"Apabila kedua-dua kementerian ini berganding bahu, kita bukan sahaja mencegah tragedi tetapi menyembuh dan membina semula sistem sokongan sosial yang berperikemanusiaan dan berpaksaan empati.

"Sebagai pemimpin wanita, saya menyeru agar KPWK memimpin naratif perlindungan anak-anak dan keluarga di Malaysia secara lebih proaktif kerana masa depan bangsa bergantung pada sejauh mana kita berani bertindak hari ini," katanya lagi.

Beliau berharap kes buli dan bunuh sebagaimana yang berlaku kebelakangan ini adlaah yang terakhir dan masyarakat akan mengambil iktibar serta lebih mengambil berat mengenai hal pelajar sekolah dan persekitaran mereka.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lari dengan jiwa, sebar bahagia – Kasih Fun Run memulakan kesihatan mental, 'Awak OK Tak?'

LIFESTYLE | FOLLOW | #KASIH | #KONGSI

Diah ZALYON ABDULHAMAN | 15 Oct 2023 06:09am



PERNAH tak kita nampak seseorang yang nampak ceria di luar, tapi sebenarnya sedang menahan tangis di dalam?

Realitinya, dalam kesibukan kerja dan rutin harian, ramai antara kita menyangka semua orang hidup bahagia tanpa sadar ada yang sedang bergelut dengan tekanan emosi dan perasaan sunyi tanpa tempat untuk meluahkan.



Dalam masyarakat yang mahu makedan talat untuk berkongsi masalah peribadi, langkah berani Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melancarkan konsep nasional Awak OK Tak? 'Jom Kongsi' hadir tepat pada waktunya.

Menurut Menteri KPWKM, Datuk Seri Nancy Shukri, konsep ini menjadi platform untuk meningkatkan kesedaran tentang kesejahteraan emosi serta menggalakkan masyarakat bertanya khabar, mendengar dan memberi sokongan antara satu sama lain tanpa rasa prejudis.



Antara nali utama konsep ini ialah Talian Kasih 15999, saluran sokongan yang beroperasi 24 jam bagi membantu mereka yang memerlukan khidmat kaunseling, bimbingan sosial atau perlindungan segera.

"Kita mahu ubah stigma terhadap isu kesihatan mental. Kadang-kadang pertanyaan kecil seperti 'Awak OK Tak?' boleh memberi makna besar kepada seseorang yang sedang berjuang dalam diam," ujarnya.



Kempen itu juga menggalakkan masyarakat lebih terbuka terhadap perubahan mengenai emosi dan kesihatan mental kerana kesejahteraan jiwa sama penting dengan kesihatan fizikal.

Selaras dengan semangat itu, turut dianjurkan Kasih Fun Run 2025 'Awak OK Tak?' hasil kolaborasi Yayasan Kebajikan Negara (YKN) bersama KPWKM dan SinarPlus di Dataran DBKL, Kuala Lumpur, bersempena Hari Kesihatan Mental Sedunia dan Bulan Kaunseling Kebangsaan.



KEBERSAMAAN DALAM KOMUNITI

Program larian pada hari itu secara keseluruhan disertai lebih 5,000 peserta yang mana, sebahagian larian Kasih Fun Run, acara di Dataran DBKL turut dimeriahkan dengan Larian Farmasi Kuala Lumpur, Green Pink Run yang mempromosikan kesedaran kanser payudara, serta penyertaan dari pada beberapa organisasi lain.

Berbalik kepada Kasih Fun Run, program tersebut bukan sekadar larian santai sejauh lima kilometer, tetapi simbol kesimbangan antara kesihatan fizikal dan mental di samping menyemai semangat empati dan kebersamaan dalam komuniti.



Dataran DBKL bertukar menjadi lautan tenaga positif, bukan sahaja dengan derapan kaki peserta, tetapi juga dengan semangat untuk saling prihatin dan peduli.

Menariknya, program berkenaan turut menyediakan gerai Pusat Sokongan Sosial Selesai (PSSS) dan PSSS Mobile bagi memberi peluang kepada pengunjung menilai tahap stres, kemurungan dan keresahan melalui saringan percuma serta sesi kaunseling bersemuka yang diendalikannya oleh kaunselor berdaftar YKN.

Ketua Pegawai Eksekutif YKN, Puan Nordinah Haron, berkata pendekatan mesra komuniti itu membantu rakyat mendapatkan sokongan tanpa rasa malu atau takut.



BERANI BERKONGSI

Susana di Dataran DBKL pula meriah dengan pelbagai aktiviti sampingan seperti senamrobik, pemeriksaan kesihatan percuma, cabutan bertuah, jualan amal dan gerai interaktif yang menyuntik aura positif sepanjang hari.

Antara peserta yang ditemui, penyampai radio Haziq Uani mengakui, program sebegini sangat membantu masyarakat lebih memahami tahap emosi diri, manakala pelajar Nurin Abdullah Muhammad Nur pula berpesan supaya orang ramai tidak malu mendapatkan pertolongan sebelum masalah berlarutan.

Kaunselor YKN, Nur Amira Mohamed Yatim pula menambah, stres, keresahan dan kemurungan adalah pembunuh senyap yang boleh dirawat jika seseorang berani berkongsi.



Secara keseluruhannya, Kasih Fun Run 2025 bukan hanya acara riadah, tetapi manifestasi semangat konsep 'Awak OK Tak? Jom Kongsi' yang menyuarakan Malaysia supaya lebih terbuka, berani berkongsi dan saling menyokong.

Dalam dunia yang makin sibuk dan penuh tekanan, mungkin satu pertanyaan kecil 'Awak OK tak?' sudah cukup untuk menyelamatkan sebuah jiwa yang sedang berjuang dalam diam.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TIMBALAN Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri, Leng Chau Yen (lima dari kiri) melancarkan Majlis Perasmian Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak 2025 sempena Program Wakil Rakyat Untuk Rakyat (WRUR) DUN Klebang di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Ying Chye, Bukit Rambai. Foto Muhammad Rasul Azli Samad

WRUR: KASIH KANAK-KANAK 2025 DIDIK MURID TENTANG HAK DAN KESELAMATAN DIRI

NORAFIQAN JAMAL
RABU, 15 OKTOBER 2025 @ 15:19

KLEBANG 15 Oktober – Kerajaan Negeri komited melahirkan masyarakat cakna terhadap isu kebajikan kanak-kanak menerusi Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak 2025 sempena Wakil Rakyat Untuk Rakyat (WRUR) Dewan Undangan Negeri (DUN) Klebang.

Timbalan Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri Leng Chau Yen berkata program tersebut menjadi platform penting dalam memperkasakan kesedaran murid dan pelajar sekolah berkenaan hak, keselamatan serta perlindungan diri.

Katanya, program anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Melaka melibatkan 150 murid sekolah rendah sekitar DUN Klebang.

"Setiap kanak-kanak berhak hidup aman dan dilindungi daripada sebarang bentuk penderaan, pengabaian atau eksploitasi. Jika hak ini tidak dijaga, mereka perlu tahu kemana hendak meminta bantuan.

"Kanak-kanak juga tidak perlu takut atau malu untuk mendapatkan bantuan melalui Talian Kasih 15999 sekiranya berdepan sebarang bentuk penderaan atau pengabaian.

"JKM Melaka telah merekodkan lebih 545 kes memerlukan pemeliharaan dan perlindungan di bawah Seksyen 17 Akta Kanak-Kanak 2001 membabitkan kes penderaan, pengabaian dan eksploitasi pada tahun lalu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak di Sekolah Kebangsaan Cina (SJKC) Ying Chye, di sini, hari ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Klebang, Datuk Wira Lim Ban Hong dan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri Halyjah Muhamad dan kenamaan lain.

Mengulas lanjut, Chau Yen berkata program advokasi itu juga memberi pendedahan kepada kanak-kanak tentang hak utama mereka iaitu hak untuk hidup, hak perlindungan, hak perkembangan dan hak penyertaan.

"Kita semua ada tanggungjawab untuk melindungi kanak-kanak dan membina masyarakat yang peka terhadap keselamatan mereka," katanya.

TIMBALAN Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri, Leng Chau Yen (lima dari kiri) melancarkan Majlis Perasmian Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak 2025 sempena Program Wakil Rakyat Untuk Rakyat (WRUR) DUN Klebang di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Ying Chye, Bukit Rambai. Foto Muhammad Rasul Azli Samad

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Faridah (dua dari kanan) menyampaikan sijil penghargaan kepada wakil IPT yang menyertai Skuad Waja Siswa di UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, Kota Bharu hari ini. FOTO MUSTAQIM MOHAMED

9,737 kes remaja hamil luar nikah dalam tempoh lima tahun

Oleh MUSTAQIM MOHAMED 15 Oktober 2025, 4:49 pm

KOTA BHARU – Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) merekodkan sebanyak 9,737 kes remaja hamil luar nikah di seluruh negara dalam tempoh lima tahun, malah lebih membimbangkan kes itu melibatkan remaja seawal usia 10 hingga 19 tahun.

Timbalan Ketua Pengarahnya, Dr. Faridah Awang berkata, maklumat itu diperoleh berdasarkan jumlah pendaftaran yang direkodkan Kementerian Kesihatan (KKM).

“Sebanyak 1,116 kes jenayah seksual dilaporkan bagi kumpulan umur 19 hingga 30 tahun sejak Januari hingga Ogos lalu. Selain itu, seramai 1,091 penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) dikesan dijangkiti HIV dalam tempoh 2020 hingga 2024.

“Angka itu memberi gambaran jelas tahap kesedaran atau pendidikan berkaitan kesihatan reproduktif termasuk keselamatan diri masih rendah dalam kalangan remaja dan mahasiswa,” katanya semasa berucap pada Majlis Perasmian Skuad Waja Siswa Peringkat Negeri Kelantan 2025 di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Kota, Pengkalan Chepa, di sini hari ini.

Faridah berkata, sehubungan itu, JPW menubuhkan Skuad Wanita Anti Jenayah Siswa (Skuad Waja Siswa) di IPT sebagai platform rakan advokasi kampus bagi meningkatkan kefahaman mengenai isu keselamatan, jenayah dan kesihatan reproduktif.

“Kerajaan turut melaksanakan langkah konkrit dalam menangani kes keganasan terhadap wanita sekali gus memperkukuhkan sistem keadilan melalui pelaksanaan Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840) dan penubuhan Tribunal Anti-Gangguan Seksual,” katanya. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kesihatan Mental: Stigma Punca Masyarakat Enggan Dapatkan Bantuan Profesional

🕒 15/10/2025 09:26 PM



Kredit: FB Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Kesihatan mental yang diabaikan mampu menjerumus individu ke arah kemusnahan diri, keluarga dan masyarakat, sekiranya tidak ditangani dengan betul.

Pegawai Psikologi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Dr Sarada Devi R. Subramaniam berkata malangnya, stigma dan kepercayaan budaya tertentu masih menjadi penghalang utama masyarakat mendapatkan bantuan profesional.

Beliau berkata ia sekali gus menyebabkan ramai individu memilih untuk memendam rasa dan tidak mendapatkan rawatan sewajarnya, sedangkan intervensi awal mampu menyelamatkan nyawa.

"Sebahagian keluarga takut tanggapan orang kononnya anak atau ahli keluarga ada masalah, tetapi sebelum perkara buruk berlaku, lebih baik kita ambil tindakan.

"Bukalah minda dan gunakan perkhidmatan kaunseling yang ada seperti LPPKN dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)," katanya ketika menjadi tetamu program Podcast Kasih Lensa Keluarga bertajuk "Anxiety, Stress & Burnout: Bila Nak Mula Cari Bantuan?" terbitan Bernama TV malam ini.

Sarada Devi berkata kaunseling adalah ruang yang selamat untuk mendapatkan bantuan, malah kaunselor bertauliah menjaga kerahsiaan dan tidak akan membocorkan maklumat pesakit mereka.

"Kadang-kadang jalan penyelesaian itu mudah, tetapi bila dipendam lama-lama, keadaan boleh jadi lebih buruk," katanya.

Menurut Sarada Devi, selain sesi kaunseling, LPPKN turut menyediakan pelbagai program dan modul bagi membantu individu yang berdepan isu kesihatan mental, antaranya terapi pernafasan dan terapi ketawa bagi merangsang individu kekal tenang dan fokus dalam membantu diri sendiri.

Beliau turut menasihati keluarga agar lebih peka terhadap tanda-tanda awal tekanan emosi dalam kalangan ahli keluarga dan segera membantu mereka mendapatkan rawatan.

Sarada Devi berkata di tempat kerja pula, rakan sekerja dan majikan perlu memainkan peranan bagi mengelakkan lesu upaya dalam kalangan pekerja.

"Kita sesama rakan sekerja dan majikan perlu ada nilai empati. Kalau nampak rakan tertekan, bantu dan beri sokongan. Pengurusan diri juga penting, ambil masa untuk diri, keluarga dan terapi diri," katanya.

Sarada Devi berkata tiada sesiapa yang harus berdepan tekanan secara bersendirian dan mengingatkan bahawa masih ada jalan keluar bagi mereka yang berdepan masalah kesihatan mental.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Aplikasi Sinimo UMK Integrasikan Skwad Waja Siswa Tangani Keganasan Jenayah Dalam Warga Kampus

🕒 15/10/2025 04:47 PM



Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita Dr Faridah Awang (tengah) bersama para peserta pada Pelancaran Program Skwad Waja Siswa Negeri Kelantan Tahun 2025 di Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Kampus Kota, Pengkalen Chepa hari ini.

KOTA BHARU, 15 Okt (Bernama) -- Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengorak langkah ke hadapan dengan mengintegrasikan Skwad Waja Siswa dalam aplikasi digital khas dikenali sebagai *Sinimo*, yang berfungsi sebagai platform pelaporan, pemantauan dan sokongan kepada kakitangan serta pelajar bagi menangani isu keganasan jenayah seperti buli dan gangguan seksual.

Naib Canselor UMK Datuk Prof Dr Arham Abdullah berkata inisiatif berkenaan turut memperkukuh operasi dan keberkesanan Skwad Waja Siswa di kampus, khususnya dalam membantu individu yang berdepan kesukaran atau tidak berani tampil membuat laporan secara bersemuka.

"Dalam aplikasi *Sinimo* ini, kita wujudkan pautan khas 'Skuad Waja Siswa@UMK' bagi memudahkan pelajar dan kakitangan membuat aduan tanpa perlu menelefon atau hadir ke pejabat untuk melaporkan isu yang dihadapi, terutamanya membabitkan kes buli atau gangguan seksual.

"Sejak aplikasi ini diperkenalkan bulan lepas, pihak universiti belum menerima sebarang aduan berkaitan kes tatatertib seperti buli. Ini menunjukkan keberkesanan pelaksanaan dasar tegas, program pendidikan kesedaran berterusan serta pembudayaan nilai murni dalam kalangan warga kampus," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Program Skwad Waja Siswa Negeri Kelantan 2025 di UMK Kampus Kota, Pengkalen Chepa, di sini hari ini, yang disempurnakan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita Dr Faridah Awang.

Sementara itu, Dr Faridah berkata sehingga kini seramai 2,129 mahasiswa dari seluruh negara telah menyertai Skwad Waja Siswa.

"Program ini menjadi platform strategik dalam penyampaian ilmu berkaitan jenayah serta maklumat kesihatan reproduktif dan seksualiti dengan lebih tepat dan berkesan.

"Kita bukan sahaja mahu melahirkan siswa yang cemerlang dari segi intelek, tetapi juga bijak serta berani mengambil tindakan sewajarnya," katanya.

Beliau berkata usaha itu sejajar dengan Dasar Wanita Negara (DWN) dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (PTPW) yang menekankan aspek pencegahan keganasan terhadap wanita serta pembinaan budaya hormat dan keselamatan awam yang lebih mesra wanita.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MBKS anjur program kesedaran kesihatan mental bersama Unimas



DATO Zaledi Suhaili rakam gambar bersama peserta sempena sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia di Kuching, hari ini.

KUCHING: Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) menganjurkan Sesi Ceramah Kesedaran Mental sempena sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia hari ini, sebagai usaha meningkatkan kefahaman masyarakat serta menggalakkan penglibatan komuniti dalam penjagaan kesejahteraan mental.

Datuk Bandar Kuching Selatan, Dato Wee Hong Seng, dalam perutusan yang disampaikan oleh Timbalan Datuk Bandar, Dato Zaledi Suhaili, menzahirkan penghargaan kepada semua pihak penganjur dan peserta atas sokongan mereka dalam memupuk kesedaran serta membina komuniti penyayang di Kuching.



SUASANA... Sekitar Sesi Ceramah Kesedaran Kesihatan Mental anjuran MBKS dengan kerjasama Unimas sempena sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia di Kuching, hari ini.

"Program bermakna ini mencerminkan tanggungjawab bersama kita untuk menjaga kesejahteraan fizikal dan mental. Kesihatan mental yang baik menjadi asas kepada masyarakat yang berdaya tahan dan penuh belas ihsan," katanya.

Beliau menegaskan, cabaran kesihatan mental semakin ketara akibat tekanan hidup yang meningkat, tuntutan kerja dan tekanan sosial.

Justeru, program kesedaran seumpama ini penting bagi membantu orang ramai memahami isu kesihatan mental, menghapuskan stigma serta menggalakkan mereka mendapatkan bantuan apabila diperlukan.

Program berkenaan dianjurkan dengan kerjasama Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 3: Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik, yang menekankan usaha memastikan kehidupan sihat dan kesejahteraan untuk semua.

Dua penceramah jemputan, Dr. Nur Iwana Abdul Taib dari Unimas dan Dr. Fairuz Rahim dari Hospital Sentosa, berkongsi kepakaran serta pengalaman mereka dalam pengurusan kesihatan mental dan pembangunan ketahanan komuniti.

Dato Zaledi turut menzahirkan penghargaan kepada agensi dan organisasi yang menyokong pameran sempena program tersebut termasuk Teduh Jiwa Kaunseling dan Perundingan, Pusat Dae Hati untuk Dukacita, Kehilangan dan Trauma, Yayasan Kebajikan Negara, Persatuan Kesihatan Mental Sarawak, serta Syarikat Inspire Create.

"Sumbangan mereka mengukuhkan rangkaian sokongan komuniti bagi kesejahteraan mental," ujarnya.

Tambah beliau, MBKS akan terus komited membina bandar Kuching yang penyayang dan lestari, serta memperkukuh masyarakat yang menyanjung nilai empati, sokongan bersama dan kesihatan mental sejajar dengan aspirasi SDG.



SUASANA... Sekitar Sesi Ceramah Kesedaran Kesihatan Mental anjuran MBKS dengan kerjasama Unimas sempena sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia di Kuching, hari ini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pemandu lori terpaksa hantar anak ke rumah anak yatim



SAIFULLAH AHMAD [Follow](#)

15 Oktober 2025 08:23pm

Masa membaca: 2 minit



Sun Chin (kiri) menerima kehadiran tiga kanak-kanak berkenaan sebagai penghuni baharu Pusat Jagaan Kebajikan Anak Anak Yatim Jaz Teluk Intan.

IPOH - Kerana desakan hidup, seorang bapa tunggal terpaksa mengambil keputusan sukar menghantar tiga orang anaknya ke sebuah rumah anak yatim di Teluk Intan.

Kisah sedih itu dikongsi Pengerusi Pusat Jagaan Kebajikan Anak Anak Yatim Jaz Teluk Intan, Kong Sun Chin yang menerima dengan terbuka tiga beradik berusia lima, tujuh dan sembilan tahun itu pada Isnin lalu.

Menurutnya, bapa kanak-kanak itu berbuat demikian kerana tidak mampu menyara anaknya dengan pendapatan sebagai pemandu lori di Kuala Lumpur.

"Saya difahamkan sebelum ini anak-anaknya dihantar ke sebuah pusat jagaan di Kuala Lumpur.

"Tetapi disebabkan tidak lagi mampu, dia bawa anaknya untuk tinggal di sini selepas tahu kewujudan pusat jagaan ini. Kebetulan pula bapa kanak-kanak ini berasal dari Teluk Intan.

"Kita terima permintaan untuk anak-anaknya tinggal di sini tanpa sebarang bayaran kerana keadaan kehidupannya yang sukar ketika ini," katanya kepada Sinar Harian pada Rabu.



Leleki tersebut terpaksa mengambil keputusan menumpangkan tiga anaknya di Pusat Jagaan Kebajikan Anak Anak Yatim Jaz Teluk Intan.

Sun Chin berkata, pusat jagaannya itu tidak menghalang untuk lelaki berusia 56 tahun itu bertemu atau mengambil anak-anaknya pada bila-bila masa.

Bercerita mengenai pusat jagaannya, beliau menjelaskan ketika ini terdapat seramai 43 orang penghuni yang merupakan anak yatim serta dalam kalanga keluarga susah.

Menurutnya, sejak ditubuhkan pada 2009 Pusat Jagaan Kebajikan Anak Anak Yatim Jaz Teluk Intan beroperasi dengan dana sendiri sebelum mendapat sumbangan orang ramai serta geran daripada agensi kerajaan.

"Di sini kita hantar mereka pergi ke sekolah dan kita sediakan juga tuisyen untuk anak-anak supaya mereka lebih cemerlang.

"Sudah ramai anak-anak yang tinggal di sini berjaya melanjutkan pelajaran di universiti malah ada yang akan menyambung pengajian ke peringkat Sarjana," katanya.

Kisah bapa tunggal itu sebelum ini tular selepas disiarkan akhbar Sin Chew Daily dan beberapa portal lain.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : LELAKI DITANGKAP MENCABUL ANAK SAUDARA

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 16 OKTOBER 2025

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Lelaki ditangkap mencabul anak saudara

Tampin: Seorang lelaki tergamak mencabul anak saudaranya sendiri ketika remaja berusia 15 tahun itu sedang tidur di rumahnya di daerah ini, awal pagi Ahad lalu.

Ketua Polis Daerah Tampin, Superintenden Amiruddien Sariman berkata, susulan itu, pihaknya menahan lelaki berusia 58 tahun kira-kira jam 10.30 malam kelmarin.

"Semalam (kelmarin), pihak Polis Daerah Tampin menerima laporan dibuat seorang remaja perempuan berumur 15 tahun memaklumkan berhubung gangguan seksual dilakukan bapa saudaranya sendiri.

"Dakwanya kejadian berlaku ketika dia sedang tidur di rumahnya kira-kira jam 3 pagi, 12 Oktober lalu.

"Ekoran laporan dibuat

mangsa, sepasukan pegawai dan anggota Polis Daerah Tampin menahan seorang lelaki tempatan kira-kira jam 10.30 malam kelmarin di tepi jalan Kampung Baru, di sini, bagi membantu siasatan," katanya.

Beliau berkata, permohonan reman dilakukan terhadap suspek mengikut 117 Kanun Prosedur Jenayah bagi siasatan lanjut.

"Suspek dibenarkan reman selama tujuh hari hingga 21 Oktober depan. Kes disiasat mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017," katanya.

"Jika sabit kesalahan suspek boleh dihukum penjara tidak melebihi 20 tahun dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat," katanya.

“Kejadian berlaku ketika mangsa sedang tidur di rumahnya jam 3 pagi Amiruddien Sariman”

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lelaki cabul anak saudara sedang nyenyak tidur ditahan polis

🕒 15 Oktober 2025, 11:28am



Foto hiasan

Oleh: Ahmad Hasbi

TAMPIN: Seorang lelaki berusia 58 tahun ditahan polis kira-kira jam 10.30 malam tadi disyaki mencabul anak saudaranya sendiri ketika remaja berusia 15 tahun itu sedang tidur di rumahnya di daerah ini, awal pagi Ahad lalu.

Ketua Polis Daerah Tampin, Superitenden Amiruddin Sariman berkata, pihak Polis Daerah Tampin menerima laporan dibuat seorang remaja perempuan berumur 15 tahun semalam memaklumkan berhubung gangguan seksual dilakukan bapa saudaranya sendiri.

"Dakwanya kejadian berlaku ketika dia sedang tidur di rumahnya kira-kira jam 3 pagi, 12 Oktober lalu.

"Ekoran laporan dibuat mangsa, sepasukan pegawai dan anggota Polis Daerah Tampin menahan seorang lelaki tempatan kira-kira jam 10.30 malam tadi di tepi jalan Kampung Baru, di sini, bagi membantu siasatan," katanya.

Beliau berkata, permohonan reman dilakukan terhadap suspek mengikut 117 Kanun Prosedur Jenayah bagi siasatan lanjut.

"Suspek dibenarkan reman selama tujuh hari hingga 21 Oktober depan. Kes disiasat mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017.

"Jika sabit kesalahan suspek boleh dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pemandu bas dipenjara 66 tahun, 22 sebatan amang seksual 5 pelajar

Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my



Muar: Pemandu bas henti-henti dipenjara 66 tahun dan 22 sebatan selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan amang seksual fizikal terhadap lima pelajar perempuan sebuah sekolah di Yong Peng, Batu Pahat, sejak tahun lalu.

Hakim Mohd Khairi Haron menjatuhkan hukuman itu terhadap tertuduh, Sazali Sahlan, 53, yang berhadapan 11 pertuduhan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017.

Selepas mempertimbangkan pengakuan dan rayuan dibuat tertuduh selain hujahan pihak pendakwaan, mahkamah menjatuhkan hukuman penjara enam tahun dan dua sebatan bagi setiap pertuduhan.

Bagaimanapun, mahkamah memutuskan kesemua hukuman penjara berjalan serentak melainkan sebatan dan ini bermakna, tertuduh hanya perlu menjalani enam tahun penjara serta 22 sebatan.

Selain itu, mahkamah memerintahkan tertuduh menjalani sesi kaunseling sepanjang dalam tahanan serta pengawasan polis selama dua tahun sebaik selesai hukuman penjara.

Mengikut kesemua pertuduhan, tertuduh yang sudah berkahwin namun tidak mempunyai anak didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap lima pelajar perempuan berusia 14 tahun.

Perbuatan itu dilakukan di dalam bas yang diparkir hadapan hentian bas Jalan Yong Peng-Muar, Yong Peng pada jam 6.45 petang, antara hujung 2024 hingga pertengahan 2025.

Seksyen 14 (a) AKKSTKK memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan bagi setiap pertuduhan dikenakan, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, polis menerima laporan daripada pengadu yang juga mangsa mengenai kejadian amang seksual fizikal ketika menaiki bas dipandu tertuduh.

Siasatan polis mendapati, tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu sejak tahun lalu dan kali terakhir pertengahan tahun ini.

Malah, kelima-lima mangsa jelas melihat perbuatan tertuduh ketika dengan kejadian berlaku ketika mereka pulang ke sekolah bersama-sama.

Pendakwan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Diyana Najihah Muhamed Fauzi manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 'RUMAH IBU' BERI HARAPAN BAHARU WANITA DALAM KRISIS

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 16 OKTOBER 2025

M/SURAT : 22

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

'Rumah Ibu' beri harapan baharu wanita dalam krisis



Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Sabah, Datuk Maria Chong (kiri) mendengar penerangan mengenai 'Rumah Ibu'.

Pusat perlindungan 'Rumah Ibu' pertama negara dibuka di Sabah, baru-baru ini sebagai usaha melindungi golongan ibu berdepan krisis serta mencegah kes pempuangan bayi.

Inisiatif itu digerakkan oleh Mother's Home International Foundation (MHIF), sebuah pertubuhan bukan berasaskan keuntungan yang berpangkalan di Kazakhstan, dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat Sabah dan pengurusan oleh Mother's Home International Berhad (MHIB).

Rumah Ibu Sabah menyediakan bantuan sementara, rawatan perubatan dan psikologi, khidmat nasihat guaman, selain latihan kemahiran dan peluang pekerjaan bagi wanita yang berdepan masalah seumpama ini.

Pengasas Bersama MHIF, Ar-

sen Tomsy, berkata pusat berkenaan bukan sekadar perlindungan, sebaliknya sistem sokongan yang memberi kekuatan serta harapan baharu kepada wanita dalam krisis.

"Apabila seorang wanita menghadapi kehamilan tidak dirancang, mereka sering terasing, dihakimi dan kekurangan sumber. Dengan adanya Rumah Ibu, kita membantu mencegah pempuangan bayi serta memastikan lebih ramai keluarga kekal bersama," katanya.

Sementara itu, Pengarah MHIB, Shahul Hamid, berkata inisiatif itu juga membuka ruang kepada wanita membina kehidupan lebih baik melalui kaunseling, latihan dan sokongan pekerjaan.

Menurut Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 75 kes pempua-

ngan bayi direkodkan antara Januari hingga September 2024, berbanding 96 kes dalam tempoh sama tahun sebelumnya.

Senario itu mencerminkan keperluan mendesak terhadap intervensi berkesan.

Program ini turut menyokong agenda Ekonomi MADANI yang menekankan keadilan, keterangkuman dan kesejahteraan jangka panjang rakyat.

Sejak diwujudkan di Kazakhstan pada 2013, inisiatif 'Rumah Ibu' berkembang kepada 20 pusat di 18 bandar, membantu lebih 10,787 bayi kekal bersama keluarga.

Di Malaysia, MHIF menyasarkan untuk menyokong lebih 100 wanita dan kanak-kanak setiap tahun, dengan perancangan memperluaskan lagi pusat itu ke negeri lain pada masa hadapan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : BENGKEL 'CLUTCH BOX BAG' BANTU JANA EKONOMI

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 16 OKTOBER 2025

M/SURAT : 22

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Bengkel 'Clutch Box Bag' bantu jana ekonomi

Inisiatif perkasa wanita menerusi penguasaan kemahiran kraf tangan songket

Oleh Mohd Amin Jalil
bhrencana@bh.com.my

Kraf tangan berpotensi tinggi untuk menjana ekonomi kerana ia boleh dijadikan sumber pendapatan tambahan atau utama melalui kreativiti dan kemahiran yang ada, di samping memelihara warisan budaya.

Malah, industri kraf juga memberi peluang kepada wanita untuk terbahit dalam bidang keusahawanan baharu bagi meningkatkan taraf sosioekonomi diri serta keluarga mereka menerusi hasil kraf yang unik dan berkualiti untuk pasaran.

Menyadari hal itu, Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Sembilan

mengambil inisiatif mengadakan bengkel kraf tangan 'Clutch Box Bag' melalui siri jelajah dari songket ke gaya, membabitkan lima kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di negeri itu, baru-baru ini.

Seramai 150 peserta daripada lima DUN iaitu DUN Sri Tanjung, DUN Johol, DUN Palong, DUN Sungai Lui dan DUN Sikamat telah menyertai bengkel berkenaan dan menunjukkan minat yang mendalam dalam menghasilkan Clutch Box Bag berasaskan songket.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Sembilan, Datuk Noorzunita Begum Mohd Ibrahim, berkata inisiatif itu dilaksanakan bertujuan memperkasakan wanita melalui penguasaan kemahiran kraf tangan songket serta memberi peluang mereka menjana pendapatan melalui hasil kreativiti.

Beliau berkata, hasil kraf yang unik serta berkualiti boleh dijual kepada pelancong di pasaran tempatan atau pelancong luar yang berkunjung ke negeri ini selain melalui platform dalam talian.



Noorzunita Begum (duduk tengah) bersama peserta bengkel kraf tangan 'Clutch Box Bag' di Sikamat.

(Foto Mohd Amin Jalil/BH)

Katanya, pembuatan kraf membuka peluang keusahawanan baharu lebih luas, terutama kepada wanita, yang boleh memulakan perniagaan dari rumah.

"Industri kraf tangan bukan sahaja memberi faedah kepada individu atau keluarga, tetapi juga dapat menyokong dan memajukan ekonomi masyarakat setempat.

"Kerajaan negeri akan membantu peserta terbabit untuk memasarkan produk yang dikeluarkan terutama kepada pelancong," katanya kepada BH selepas majlis penyampaian sijil kepada peserta di Sikamat.

Sambutan menggalakkan

Noorzunita Begum berkata, bengkel dikendalikan jurulatih berpengalaman termasuk dari kalangan usahawan itu mendapat sambutan menggalakkan

apabila seramai 150 peserta menyertainya.

Menurutnya, pihaknya memperuntukkan hampir RM20,000 bagi menjayakan siri jelajah berkenaan dan mengakui program itu berjaya dalam merangsang peserta untuk memanfaatkan kemahiran diterima bagi menjana ekonomi.

"Selain dapat membantu peserta mendapatkan kemahiran berharga, program ini juga seiring dengan usaha menyemarakkan seni warisan tempatan dan memperkukuh kedudukan wanita dalam bidang ekonomi kreatif.

"Cabaran dan kekurangan diri tidak seharusnya menjadi penghalang untuk berjaya, termasuk dalam usaha mencari peluang yang dapat meningkatkan ekonomi masing-masing," katanya berharap peserta dapat mengembangkan hasil karya mereka.

Peserta program, kakitangan swasta, Siti Fatimah Abdul Rashid, 35, mengakui teruja kerana dapat mengikuti bengkel berkenaan dan berpuas hati dengan ilmu baharu yang diperolehinya.

"Melalui bengkel ini, saya mendapat ilmu Program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) yang semakin berkembang.

"Saya bercadang untuk berkecimpung dan mengeluarkan produk kraf tangan sendiri sebagai sumber pendapatan baharu," katanya.

Bagi ibu tunggal, Normah Othman, 50, mahu memanfaatkan bengkel itu untuk meningkatkan keupayaan diri dengan mempelajari kemahiran baharu.

"Peluang menambah kemahiran dan menambah sumber pendapatan tidak harus dipersia-siakan," katanya yang menyifatkan bengkel itu amat berfaedah.